

BULETIN UTHM

Bil.4 April 2023 | ISSN 2232-0415

PROGRAM

SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AWAM
(ALAM SEKITAR) DENGAN KEPUJIAN (BNA)



6 TAHUN



AKREDITASI

daripada

ENGINEERING TECHNOLOGY
ACCREDITATION COUNCIL MALAYSIA
(ETAC), BEM

**Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan
Awam (Alam Sekitar) dapat perakuan akreditasi
enam tahun ETAC**

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dapat perakuan akreditasi enam tahun ETAC
- 2 UTHM kongsi juadah buka puasa secara pandu lalu
- 4 Johor Port Berhad sumbang RM22 ribu, bantu pelajar UTHM terjejas banjir
- 5 Kolej Kediaman Kampus Pagoh komited pastikan stok bekalan darah mencukupi di bulan Ramadan
- 6 68 anak yatim dirai dalam program 'Sentuhan Kasih Ramadan'
- 7 UTHM-industri anjur JESAWIL 2023, bakal melibatkan penyertaan 30 sekolah
- 9 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my

PROGRAM
SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AWAM
(ALAM SEKITAR) DENGAN KEPUJIAN (BNA)

BNA

6 TAHUN

★★★★★

AKREDITASI
daripada
**ENGINEERING TECHNOLOGY
ACCREDITATION COUNCIL MALAYSIA
(ETAC), BEM**






Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dapat perakuan akreditasi enam tahun ETAC

Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian (BNA), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendapat perakuan akreditasi selama enam tahun daripada Engineering Technology Accreditation Council (ETAC), Board of Engineers Malaysia pada 7 April 2023 lalu.

Perakuan akreditasi kali pertama bagi Jabatan Teknologi Kejuruteraan Awam (JTKA), FTK itu khusus untuk graduan pada tahun 2023 sehingga 2028.

Untuk rekod, program BNA merupakan salah satu daripada tiga program yang ditawarkan di bawah JTKA.

Menurut Ketua Jabatan JTKA, Ts. Dr. Kamarul Aini Mohd Sari, kejayaan tersebut hasil komitmen ramai pihak antaranya pengurusan tertinggi UTHM, pengurusan FTK, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan, Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE), Pejabat Pembangunan Akademik dan Pejabat Pengurusan Makmal

Kampus Cawangan Pagoh (PPMKCP).

"Pihak JTKA juga berterima kasih kepada mantan Ketua Program, Dr. Nuramidah Hamidon, Ketua Program baharu, Dr. Roslinda Ali dan ahli-ahli program atas usaha gigih masing-masing bagi memastikan pengiktirafan ini dapat dicapai," katanya.

Sementara itu, Dekan FTK, Prof. Madya Ts. Dr. Jumadi Abdul Shukor turut menyifatkan kejayaan itu sebagai satu pengiktirafan kepada hasil usaha keras semua pihak demi kelangsungan pengajian anak-anak didik serta kecemerlangan akademik di fakulti berkenaan.

"Moga pengiktirafan ini mampu menjadi kebanggaan universiti dan inspirasi kepada semua warga walaupun pernah satu ketika dahulu program ini ditolak untuk direalisasikan," katanya.



UTHM kongsi juadah buka puasa secara pandu lalu

BATU PAHAT – Sebagai tanda prihatin, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyediakan dan mengedarkan juadah berbuka puasa percuma kepada pelajar dan kakitangannya sepanjang Ramadan ini.

Makanan berupa bubur lambuk dan nasi bungkus itu diedarkan secara 'pandu lalu' setiap hari Isnin hingga Khamis bertempat di perkarangan Masjid Sultan Ibrahim, kampus induk.

Menurut Naib Canselor UTHM, Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, UTHM melalui Pusat Islam telah memperuntukkan kira-kira RM50,000 bagi menjayakan projek tersebut.

Inisiatif yang dibiayai oleh tabung Masjid Sultan Ibrahim itu merupakan hasil sumbangan kakitangan universiti dan masyarakat setempat.

Manakala aktiviti memasak dan pembungkusan makanan pula disediakan secara bergotong royong oleh sukarelawan UTHM secara bergilir-gilir.

Tambah beliau, pada semester ini jumlah pelajar yang berada di kampus tidak seramai kebiasaannya kerana UTHM melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara hibrid.

"Justeru itu pengurusan masjid mengedarkan kira-kira 250 hingga 300 pek nasi bungkus sehari bergantung kepada jumlah purata pengunjung yang hadir.

"Selain bubur lambuk, nasi beriani atau nasi berlauk menjadi menu istimewa yang dibungkus segar dari dapur masjid," katanya.

Inisiatif seumpama itu dilaksanakan bagi mengeratkan ukhwah dan memupuk semangat kemuafakatan dalam kalangan warga kerja selain menyokong usaha progresif ke arah masyarakat Madani.

"Pelaksanaannya juga bagi memberi manfaat kepada warga universiti terutama kepada pelajar yang kurang berkemampuan menikmati juadah berbuka.

"Program sedemikian juga sebagai usaha membudayakan amalan bersedekah dan beramal jariah sekali gus melahirkan masyarakat yang penyayang serta prihatin antara satu sama lain," ujar beliau.

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengambil inisiatif menyediakan nasi talam secara percuma kepada para pelajarnya sepanjang Ramadan ini.





Johor Port Berhad sumbang RM22 ribu, bantu pelajar UTHM terjejas banjir

BATU PAHAT, 5 April 2023 - Johor Port Berhad (JPB) memberi sumbangan wang tunai berjumlah RM22 ribu kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi membantu pelajar-pelajarnya yang terjejas akibat bencana banjir.

Sumbangan tersebut sebagai tanda prihatin JPB kepada pelajar UTHM yang terkesan dengan banjir yang melanda Batu Pahat awal Mac lalu.

Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim mewakili universiti berbesar hati menerima sumbangan tersebut dan berharap pemberian sejumlah wang itu dapat meringankan beban yang ditanggung pelajar.

Tambah beliau, seramai 110 pelajar bakal menerima wang sumbangan itu, yang mana setiap seorang akan memperoleh sebanyak RM200.

Untuk rekod, pada 8 Mac 2023 lalu UTHM telah memeterai Surat Hasrat (LoI) bersama Johor Port Berhad (JPB) dan JP Skills Centre (JPSC) bagi menjalinkan kerjasama dalam pembelajaran berasaskan kerja (work based learning) bagi pelajar program Sarjana Muda Pengurusan Logistik yang bakal ditawarkan oleh Jabatan Pengurusan dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan.

Ia turut membuka peluang kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan antara UTHM dan JPB.

Kerjasama tersebut bagi memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak seperti peluang latihan kepada staf dan pelajar UTHM, penyelidikan bersama antara staf dan industri serta pemindahan teknologi dan ilmu terkini daripada industri ke kampus.

LoI itu juga selaras dengan misi UTHM yang ingin menyediakan penyelesaian teknikal untuk keperluan industri dan komuniti berasaskan paradigma tauhid.

Kerjasama tersebut juga selari dengan sasaran hala tuju universiti yang baharu iaitu untuk menjadi sebuah Global Technopreneur University pada tahun 2030 (GTU 2030).



Kolej Kediaman Kampus Pagoh komited pastikan stok bekalan darah mencukupi di bulan Ramadan

PAGOH - Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar (HPSF) telah mengadakan program derma darah pada 03 April 2023 lalu bagi membantu pihak hospital memastikan stok bekalan darah mencukupi di bulan Ramadan.

Menurut Timbalan Pengetua 1, KKKP, Ing. Ts. Dr. Mohd Faisal Hushim setiap kali datangnya bulan Ramadan, jumlah penderma darah mengalami penurunan yang agak ketara.

“Walaupun menderma darah ketika sedang berpuasa itu dibolehkan, namun segelintirnya mengelak untuk berbuat demikian kerana khuatir ia akan menjejaskan aktiviti harian.

“Stok bekalan darah perlu berada di tahap optimum bagi memastikan bekalan darah mencukupi apabila diperlukan terutamanya apabila berlaku keadaan di luar jangka,” katanya.

Namun begitu, program derma darah yang dijalankan pada 03 April 2023 lalu bertempat di dewan kolej kediaman Pagoh berjaya mendapat perhatian dan sokongan yang tinggi daripada penghuni kolej berkenaan.

“Kira-kira 300 pelajar hadir lebih awal selepas berbuka puasa bagi memastikan masing-masing dapat menderma darah.

“Namun hanya sebahagian yang dapat menderma kerana sasaran yang ditetapkan oleh pihak hospital telah tercapai,” katanya.

Melalui program tersebut, HPSF meletakkan sasaran sebanyak 50 beg darah namun jumlah yang berjaya dikumpul menghampiri 70 beg.

Manakala pihak KKKP pula meletakkan sasaran melaksanakan program derma darah sebanyak dua kali pada bulan Ramadan ini.

“Ini bagi menunjukkan komitmen dan keprihatinan warga KKKP dan UTHM dalam memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi.

“Program ini juga diharapkan dapat memupuk nilai positif dan sifat kesukarelawanan yang tinggi dalam kalangan mahasiswa UTHM,” kata Dr. Faisal.





68 anak yatim dirai dalam program 'Sentuhan Kasih Ramadan'

BATU PAHAT, 18 Apr 2023 – Seramai 68 anak-anak yatim dirai dalam program 'Sentuhan Kasih Ramadan' anjuran Kelab Architecture Brigade dan Kelab Kebajikan Staf Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (CESWEC), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Program dengan kerjasama Wisma Yatim Batu Pahat itu diisi dengan majlis berbuka puasa, solat sunat tarawih dan penyampaian sumbangan tunai duit raya serta barangan keperluan diri kepada kumpulan anak yatim terbabit.

Ketua Jabatan Senibina UTHM, Profesor Madya Ts. Dr. Izudinshah Abd Wahab dan presiden CESWEC, Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Adib Mohamad Razi mewakili fakulti menyampaikan sumbangan sejeurus selesai sesi berbuka puasa.

Untuk rekod, sumbangan yang melibatkan peruntukan kira-kira RM2,900.00 itu merupakan hasil kutipan dana yang dikumpulkan melalui CESWEC.

Turut hadir ke majlis tersebut, Pengerusi Wisma Yatim Batu Pahat, Dato' Haji Awang Haji Mohamad.

Pelaksanaan program tersebut diketuai oleh pelajar Saadatuddaraini Saidi, dibantu oleh jawatankuasa Kelab Architecture Brigade dan pelajar-pelajar tahun dua program senibina.

Mereka dibimbing oleh penasihat kelab pelajar, Dr. Azmal Sabil dan Nasrul Arif Ahmad serta Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, FKAAB, Profesor Madya Ts. Dr. Azeanita Suratkon.





UTHM-industri anjur JESAWIL 2023, bakal melibatkan penyertaan 30 sekolah

Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama SWM Environment Sdn. Bhd. dan Bank Simpanan Nasional (BSN) bakal menganjurkan Jelajah Sekolah Angkat Wira Lestari (JESAWIL) bermula 1 Mei hingga 31 Ogos ini.

Program yang ditaja oleh BSN Johor itu akan dikendalikan oleh KITAREcycle melibatkan penyertaan 30 sekolah rendah yang terpilih di sekitar daerah Muar dan Tangkak.

Pengarah JESAWIL 2023, Dr. Roslinda Ali berkata program tersebut diadakan bertujuan untuk mendidik dan memberi pendedahan kepada warga sekolah tentang kepentingan amalan kitar semula sisa pepejal, menjaga dan memulihara alam sekitar serta penjaan pendapatan daripada sisa minyak terpakai.

Sebagai permulaan, satu majlis pelancaran program JESAWIL 2023 telah diadakan pada 13 April lalu bertempat di Pusat Konvensyen, Hub Pendidikan Tinggi Pagoh.

Majlis tersebut yang disempurnakan oleh Exco Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor, Musa Atan turut dihadiri Provost UTHM, Profesor Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki Mustafa; Pengurus Besar SWM Environment, Hj. Mohd Norlisam Mohd Nordin; Pengarah BSN Johor, Mohamad Zulkarnain Ismail; Pengarah SWCorp Johor, Tuan Chairul Hisham Jalalluddin; Pegawai Pendidikan Daerah Muar, Haji Abdul Rahman Selamat; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar (MPM), Mohamad Azlie Sham Rasulu dan Pengarah Seksyen Projek Khas Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, Norazra Rahmat.

Tambah Dr. Roslinda, program JESAWIL akan melibatkan lima pelaksanaan pertandingan iaitu Pertandingan Kutipan KITAREcycle Wira Lestari, Pertandingan Bercerita Wira Lestari, Pertandingan Bicara Berirama Wira Lestari, Penghasilan Eco-Brick Wira Lestari dan Pertandingan Kelab Usahawan Wira Lestari.

"Pertandingan tersebut turut menerapkan elemen pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di FTK pada tahun ini melalui penghasilan *Eco-Bricks* and sabun daripada sisa minyak terpakai.

"Sesi perkongsian STEM ini akan dijalankan dari semasa ke semasa ke sekolah yang terpilih yang diketuai oleh Penyelaras STEM FTK, Sumaiya Mashori," jelas beliau.

Untuk rekod, penganjuran program tersebut merupakan salah satu pengisian yang dirancang setelah temeterainya perjanjian persefahaman (MoU) pada 10 Januari 2023 lalu.

Sementara itu, Dekan FTK, Profesor Madya Ts. Dr. Jumadi Abdul Shukor turut berharap pelaksanaan program tersebut dapat mencapai matlamat yang ditetapkan dan mampu menyokong teras kelima dalam Belanjawan Negeri Johor iaitu Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar bagi melahirkan Johor sebagai negeri yang bersih, lestari dan mampan.



IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA IMBAS
QR CODE



SCAN ME

Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601
FAX: +(607) 453 6023
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

WEB SPECIALIST

PENGURUS PROJEK WEB

PENGANALISA WEB

PEMBANGUN KANDUNGAN
WEB

PEREKA WEB



KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



Terbitan Terkini



DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar
978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahiran dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

Terbitan Terkini




MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usah sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekat kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR

RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.

